

30 pelajar perubatan UKM kurang kemampuan dapat sumbangan RM100,000

KUALA LUMPUR - Sejumlah RM100,000 sumbangan derma wang tunai disalurkan kepada 30 pelajar perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di Pusat Perubatan UKM di sini semalam.

Wakil Persatuan Alumni Doktor Perubatan UKM, Dr. Daud Sulaiman berkata, kutipan derma tersebut berjaya dikumpulkan dalam masa dua hari sahaja melalui kemudahan rangkaian media sosial dan aplikasi pesanan WhatsApp.

“Kutipan derma ini dilakukan setelah menerima cadangan daripada Persatuan Mahasiswa Perubatan UKM (Persiap).

“Ia bertujuan membantu pelajar perubatan yang kurang berkemampuan dan menghadapi masalah untuk membayar yuran pengajian,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas sesi penyerahan sumbangan derma Persatuan Alumni Doktor Perubatan UKM di Pusat Perubatan



WAKIL penderma, Saadiah Saadon (tiga dari kiri) menyampaikan cek sumbangan kepada Roslina (dua dari kanan) sambil diperhatikan Noor Aziah (tiga dari kanan) dan Daud (dua dari kiri) pada majlis sumbangan derma di PPUKM semalam.

UKM (PPUKM) di sini semalam.

Sumbangan tersebut diterima daripada 10 penderma yang terdiri daripada alumni Fakulti Perubatan UKM tahun 1990, ahli korporat dan orang awam.

Turut hadir ialah Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UKM, Prof. Datuk Dr. Noor Aziah Mohd Awal dan Timbalan Dekan Prasiswazah dan Alumni UKM, Prof. Dr. Roslina Ab. Manap.